

03 AUG 2003

Malik-Ibu

IBU ABDUL MALIK MYDIN YAKIN ANAKNYA DAPAT MENAMATKAN CABARAN SELAT  
INGGERIS

BUTTERWORTH, 3 Ogos (Bernama) -- Ibu perenang maraton Abdul Malik Mydin, Jorabi Seeni Mohamed yakin anaknya dapat menamatkan cabaran Selat Inggeris dengan selamat.

"Makcik sentiasa berdoa dan yakin dengan kesungguhan Malik mencatatkan kejayaan cemerlang untuk mengharumkan nama Malaysia," katanya ketika ditemui di rumahnya di Bagan Lebai Tahir dekat sini malam ini.

Jorabi berkata, beliau telah memberi kata-kata perangsang kepada Malik sebelum beliau memulakan renangannya semasa Malik menghubunginya pukul 8 malam tadi (1 pagi waktu di England).

Malik memulakan renangan sejauh 42.8 kilometer pada pukul 1 pagi waktu di England (pukul 8 pagi waktu Malaysia) selepas tertangguh sejak 23 Julai kerana cuaca buruk.

Renangan yang bakal mencipta rekod Malaysia dan Asia Tenggara itu mendapat kelulusan Persekutuan Renang dan Pengemudian Selat (CSPF) selepas mengambilkira keadaan hidrografi laut.

Sebelum ini Malik menetapkan sasaran untuk berenang selama 14 jam.

Pada pukul 10.30 pagi waktu tempatan, Malik, 28 tahun telah berenang 16km dalam masa lapan jam dan telah melebihi separuh jalan selat itu.

Beliau kini berada kira-kira 16.8km dari Cape Gris Nez di Calais, Perancis.

Jorabi juga, berterima kasih kepada semua pihak terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi dorongan kepada Malik dalam cabaran merentasi Selat Inggeris.

Jorabi dan anak perempuannya Siti Khatijah yang sentiasa mengikuti perkembangan Malik melalui laporan berita di televisyen, yakin dengan latihan intensif dan semangat juangnya yang tinggi, Malik akan menamatkan cabaran itu.

"Saya berharap semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama supaya sama-sama berdoa supaya Malik berjaya dalam percubaannya," katanya.

-- BERNAMA

NH BK